



Mesra

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunaikan solat Jumaat di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Anwar yang memakai baju Melayu berwarna biru tiba di Surau Nurul Ikhlas pada kira-kira pukul 1.15 petang yang kemudian disambut oleh pihak pengurusan surau dan para jemaah.

Anwar turut mendengar khutbah bertajuk *Hijrah Suatu Kemerdekaan* yang disampaikan imam surau berkenaan. Akram Kamal sebelum menunaikan solat Jumaat bersama 1,000 jemaah lain.

Selesai solat, Anwar meluangkan masa beramah mesra bersama jemaah serta



kanak-kanak.

Perdana Menteri turut berkesempatan bertemu pendakwah Nusantara, Ustaz Abdul Somad yang menunaikan solat di surau sama.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, Anwar singgah

makan tengah hari di sebuah restoran berdekatan bersama penduduk.

■ ANWAR Ibrahim bersalaman dengan para jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Nurul Ikhlas, Seri Kembangan, Selangor, semalam.
- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA